

Ruj.Kami : JHEAINS.196(02)670/3 Jld.34 ( 24 )  
Tarikh : 10 Januari 2023  
17 Jamadilakhir 1444

## Seperti Senarai Edaran

Tuan/Puan,

### **SURAT SIARAN BAHAGIAN PENDIDIKAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN BILANGAN 1 TAHUN 2023**

### **PANDUAN PERMOHONAN LAWATAN LUAR BAGI INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA ISLAM DI BAWAH SELIAAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN**

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan panduan permohonan lawatan luar bagi Institusi Pendidikan Agama di bawah kawalan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS)

2. Pentadbiran ini sentiasa menggalakkan Institusi Pendidikan Agama di bawah kawalan JHEAINS untuk mengadakan program lawatan yang berunsurkan pendidikan bagi pelajar. Program lawatan pendidikan bukan sahaja dapat menambahkan ilmu pengetahuan pelajar di luar waktu kelas tetapi ianya juga memberi pendedahan terhadap situasi persekitaran sebenar kepada pelajar. Oleh itu, pentadbiran ini mengambil inisiatif untuk memperkemas kini panduan permohonan lawatan luar bagi semua Insitusi Pendidikan Agama yang berdaftar di bawah JHEAINS.

3. Panduan ini dibaca bersama dengan :

- 3.1 Garis Panduan Untuk Permohonan Melancong Peraturan Melancong Sekolah 1957 (*The School Tour Regulations 1957*);
- 3.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2000 : Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan;



- 3.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2002 : Lawatan Sekolah Pada Hari Persekolahan;
- 3.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/2007 : Garis Panduan Lawatan Murid;
- 3.5 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/2009 : Langkah - langkah keselamatan semasa mengikuti aktiviti/program lawatan di luar waktu persekolahan;
- 3.6 dan arahan semasa dari Bahagian Pendidikan JHEAINS.

4. Panduan permohonan lawatan luar adalah seperti yang berikut :

- i. Murid atau pelajar **DIWAJIBKAN** untuk mengisi **Borang Kebenaran Ibu Bapa (Lampiran A)**, untuk setiap program atau lawatan yang disertai dan borang diserahkan kepada Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) untuk tindakan.
- ii. **Kertas kerja program atau lawatan** perlu disediakan oleh pihak Institusi **dengan lengkap** serta **mendapat kelulusan guru besar / pengetua**.
- iii. Setelah mendapat kelulusan kertas kerja, pihak institusi harus mengemukakan **Surat Permohonan Lawatan** bersama dengan **Borang Permohonan Lawatan (Lampiran B)** dan kertas kerja dan;
- iv. Dipanjangkan kepada :

**KETUA PENOLONG PENGARAH  
BAHAGIAN PENDIDIKAN  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI SEMBILAN**

- v. **Permohonan** perlu dikemukakan **4 minggu sebelum** dari tarikh lawatan bagi **lawatan di dalam dan luar dari Negeri Sembilan** dan **2 bulan sebelum** bagi **lawatan ke luar negara**.
- vi. Setiap **butiran** perlu diisi dengan **lengkap dan benar** dan JHEAINS berhak menolak sebarang permohonan yang tidak lengkap atau diragui butirannya.
- vii. **Surat maklum balas** permohonan akan dikemukakan oleh JHEAINS bagi tindakan pihak institusi selanjutnya.

- viii. Setelah tamat lawatan, para pelajar harus mengisi **Borang Penilaian Pelajar (Lampiran C)** untuk tujuan penambahbaikan bagi pihak Institusi. Manakala pihak institusi harus mengisi **Borang Laporan Lawatan Pelajar (Lampiran D)** dan laporan ini dihantar ke Bahagian Pendidikan JHEAINS dalam tempoh 14 hari selepas tamat lawatan.
- ix. Borang **Lampiran A hingga D** boleh dimuat turun dengan mengimbas **QRcode** di bawah.



5. Jika pihak institusi dijemput untuk menghadiri program lawatan luar anjuran JHEAINS atau agensi luar yang berkaitan, pihak institusi **WAJIB** memanjangkan surat pemakluman program lawatan luar ke Bahagian Pendidikan JHEAINS. Salinan surat jemputan program disertakan bersama.
6. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta merta** mulai **1 Februari 2023**.
7. Sehubungan itu, pihak tuan/puan hendaklah memastikan panduan permohonan ini dilaksanakan oleh semua guru yang bertanggungjawab di sekolah atau institusi pendidikan bawah pentadbiran tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'A. Rahim Bin Ma'Amor'. The signature is stylized and written in a cursive-like font.

**(ABDUL RAHIM BIN MA'AMOR)**  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pendidikan  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

## **SENARAI EDARAN**

1. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Kuala Pilah
2. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Tampin
3. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Rembau
4. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Port Dickson
5. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Jempol
6. Pegawai Agama Islam Daerah, JHEAINS Jelebu
7. Pegawai Pendidikan Islam, JHEAINS Seremban
8. Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan
9. Pengetua SABP Maahad Ahmadi